



**SIDANG AKADEMIK 2020/2021**  
**PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN**  
**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**PPK 312- PENDEKATAN PENGAJARAN PELAJAR MASALAH PENDENGARAN**

**TUGASAN : KERJA KURSUS INDIVIDU**

**DISEDIAKAN OLEH:**



**NUR ATHIRAH BINTI CHE ZAMBELI**  
**(148249)**

**NAMA PENSYARAH:**  
**PM DR AZNAN CHE AHMAD**

**1. Rancangan Pengajaran Harian (RPH) merupakan salah satu elemen yang penting dalam memastikan keberkesanan pengajaran guru.**

**i. Bincangkan 4 (EMPAT) kepentingan menyediakan Rancangan Pengajaran Harian kepada guru yang mengajar murid pendidikan khas pendengaran.**

Rancangan Pengajaran Harian ialah rangka kerja yang disediakan lebih awal oleh guru sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Hal ini membolehkan para guru mengajar dengan lebih sistematik dan efektif serta mampu untuk mencapai objektif dalam sesi pembelajaran. Butiran yang dicatatkan di dalam Rancangan Pengajaran Harian ataupun lebih dikenali sebagai RPH adalah seperti hari, tarikh, mata pelajaran, kelas, objektif, kemahiran serta impak dan refleksi terhadap aktiviti yang ingin dijalankan. RPH ini sangat penting dan berguna kepada guru selain menjadi bukti bahawa guru telah membuat perancangan rapi terlebih dahulu sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran.

Antara kepentingan menyediakan Rancangan Pengajaran Harian kepada guru yang mengajar murid pendidikan khas pendengaran ialah menentukan serta memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai. Hal ini kerana, rancangan pengajaran menjadikan pembelajaran tersebut lebih berfokus dan tersusun. Hal ini juga memudahkan guru dalam menyampaikan ilmu yang ingin dikongsikan sekaligus membantu murid lebih mudah memahami penyampaian tersebut.

Kepentingan seterusnya ialah, dengan adanya Rancangan Pengajaran Harian ini dapat menentukan strategi atau aktiviti yang terbaik bagi menyampaikan isi pelajaran yang bersesuaian dengan murid demi membantu murid mengubah sikap, kebiasaan dan pengetahuan ke arah yang dikehendaki. Sebagai contoh, bagi guru yang mengajar murid pendidikan khas pendengaran perlulah memikirkan aktiviti khusus kepada murid. Antara aktiviti yang boleh dilakukan ialah aktiviti yang melibatkan visual dan gambar seperti lakonan dan murid-murid meneka lakonan tersebut. Hal ini dapat menarik minat mereka sesuai dengan apa yang dirancangkan.

Selain itu, kepentingan Rancangan Pengajaran Harian juga dapat menentukan isi yang cukup untuk disampaikan dalam masa yang ditetapkan. Pengurusan masa menjadi faktor yang penting dalam aktiviti pengajaran oleh kerana jadual waktu bagi setiap subjek adalah begitu terhad. Oleh itu, RPH akan membantu guru

menguruskan masa dengan lebih cekap dan sistematik di samping dapat mengendalikan murid pendidikan khas pendengaran dengan berkesan.

Rancangan Pengajaran Harian juga membolehkan guru merancang penggunaan alat bantu mengajar yang sesuai. Tamsilnya, sebagai guru pendidikan khas pendengaran boleh menggunakan alat berbentuk visual dalam membantu murid seperti puzzle, lakonan, video dan sebagainya. Penggunaan teknologi pendidikan juga dapat dimanfaatkan dengan jelas dan terperinci. Guru boleh memikirkan teknologi yang sesuai digunakan semasa menyediakan RPH. Guru juga boleh memeriksa sama ada terdapat media yang sesuai dapat digunakan dalam pengajaran yang terdapat di Pusat Sumber Sekolah.

- ii. **Sediakan satu Rancangan Pengajaran Harian (RPH) untuk mengajar murid pendidikan khas pendengaran untuk mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah.**

#### RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

Mata pelajaran	: Bahasa Melayu
Kelas	: 3 Aman
Tarikh	: 29 April 2021
Hari	: Rabu
Masa	: 9.30 pagi - 10.00 pagi
Bilangan Murid	: 25 orang
Tajuk	: 5.0 Aspek Tatabahasa
Standard Kandungan	: 5.1 Memahami dan menggunakan perkataan daripada pelbagai golongan kata dalam pelbagai ayat.
Standard Pembelajaran	: 5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama dan kata pinjaman dengan betul
Objektif pembelajaran	Murid dapat : i - mengenalpasti kata nama dan kata pinjaman ii - menggunakan kata nama dan kata pinjaman dengan betul mengikut konteks ayat
Pengetahuan sedia ada	: Murid telah mengetahui jenis golongan kata.

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) :

Penerapan nilai	Ketekunan, keyakinan, berani, bekerjasama
Kemahiran berfikir	Menjana idea, membuat perkaitan, memahami, membuat kesimpulan.
Bahasa	Bahasa melayu.
Komunikasi	Bahasa lisan dan bukan lisan.
Keusahawanan	Kreatif dan inovatif

Bahan Bantu Mengajar (BBM): Laptop, LCD, Kertas mahjong, marker

	Isi Pembelajaran	Aktiviti Guru	Aktiviti Murid	Catatan
Set Induksi (5 minit)	Pengenalan kepada topik pembelajaran.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru memberi salam kepada pelajar</li> <li>2. Guru bercerita kepada murid tentang pengalaman guru bercuti di Tokyo dengan menunjukkan gambar di skrin.</li> <li>3. Guru bertanya kepada murid benda bukan hidup yang disebut oleh guru dalam sesi bercerita.</li> <li>3. Guru mengaitkan cerita guru dengan pengajaran hari ini.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Murid menjawab salam.</li> <li>2. Murid mendengar pengalaman yang diceritakan oleh guru semasa bercuti di Tokyo.</li> <li>3. Murid menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru.</li> <li>4. Murid mendengar penerangan guru.</li> </ol>	<p><b>BBM:</b> Laptop, LCD</p> <p><b>EMK:</b> Kemahiran berfikir, menjana idea.</p> <p><b>Bahasa:</b> Bahasa Melayu</p> <p><b>Nilai:</b> Ketekunan</p>
Langkah 1	Isi pelajaran	1. Guru menyenaraikan jenis golongan kata nama beserta contoh menggunakan	1. Murid mengikut guru menyenaraikan jenis-jenis golongan	<b>BBM:</b> flashcards.

(8 minit)		<p>flashcards.</p> <p>2. Guru menyebut contoh perkataan bagi kata pinjaman.</p> <p>3. Guru meminta murid menyenaraikan benda didalam kelas yang tergolong dalam golongan kata nama.</p> <p>4. Guru membina ayat dengan menggunakan kata nama.</p> <p>5. Guru menjelaskan kegunaan kata nama dan kata pinjaman mengikut konteks ayat.</p>	<p>kata nama dan conoh perkataan.</p> <p>2. Murid menyebut contoh perkataan kata pinjaman.</p> <p>3. Murid menyenaraikan benda di dalam kelas yang tergolong dalam golongan kata nama.</p> <p>4. Murid bersama-sama guru membina ayat dengan menggunakan kata nama.</p> <p>5. Murid mendengar penjelasan guru tentang kegunaan kata nama dan kata pinjaman mengikut konteks ayat.</p>	<p><b>EMK:</b> Memahami, menjana idea.</p> <p><b>Bahasa:</b> Bahasa Melayu</p> <p><b>Nilai:</b> patuh pada arahan, berani.</p>
Langkah 2  (10 minit)	Aktiviti murid	<p>1. Guru meminta murid berada di dalam kumpulan.</p> <p>2. Guru meminta murid berbincang tentang jenis golongan kata nama dan membuat peta minda di atas kertas mahjong golongan kata nama</p>	<p>1. Murid membentuk kumpulan.</p> <p>2. Murid berbincang di dalam kumpulan tentang jenis golongan kata nama dan membuat peta minda di atas kertas mahjong golongan kata nama</p>	<p><b>BBM:</b> Kertas mahjong, marker</p> <p><b>EMK:</b> Kemahiran berkomunikasi, menjana idea.</p>

		<p>3. Guru memanggil setiap kumpulan membentangkan di hadapan kelas.</p> <p>4. Guru membuka sesi soal jawab di dalam kelas untuk diajukan kepada pembentang.</p> <p>4. Guru meminta setiap kumpulan membina ayat yang mengandungi kata nama dan kata pinjaman.</p>	<p>3. kumpulan yang dipanggil datang ke hadaapn kelas dan membentang perkara yang dibincangkan.</p> <p>4. Murid yang lain bertanya soalan kepada pembentang.</p> <p>5. Setiap kumpulan membina ayat yang mengandungi kata nama dan kata pinjaman.</p>	<p><b>Bahasa:</b> Bahasa Melayu</p> <p><b>Nilai:</b> Kerjasama, keyakinan</p>
<p>Penutup (5 mint)</p>	<p>Rumusan isi pelajaran.</p>	<p>1. Guru bertanyakan murid mengenai perasaan mereka sewaktu melakukan aktiviti yang disediakan.</p> <p>2. Guru meminta murid bercerita perasaan murid melakukan aktiviti.</p> <p>3. Guru memberi penghargaan kepada murid atas usaha dan hasil kerja murid.</p> <p>a) Tepukan dan pujian kepada diri sendiri.</p>	<p>1. Murid menyatakan perasaan masing-masing sewaktu melakukan aktiviti yang disediakan.</p> <p>2. Murid bercerita mengenai perasaan mereka menyediakan air milo ais.</p> <p>3. Murid diberi penghargaan di atas usaha dan hasil kerja masing-masing.</p>	<p><b>BBM:</b> -</p> <p><b>EMK:</b> Komunikasi</p> <p><b>Bahasa:</b> Bahasa Melayu</p> <p><b>Nilai:</b> menghargai</p>

**iii. Jelaskan teori yang anda gunakan dalam merancang RPH ini.**

Teori yang digunakan dalam merancang RPH ini adalah teori konstruktivisme. Istilah konstruktivisme merujuk kepada idea bahawa pelajar membina pengetahuan untuk diri mereka sendiri. Setiap pelajar secara individu dan sosial membina makna contoh seperti dia belajar membina makna bagi sesuatu pembelajaran. Pembelajaran dari perspektif konstruktivisme dilihat sebagai suatu proses pelajar membina makna secara aktif daripada pengalaman yang dilaluinya (Driver, Asoko, Leach, Mortimer & Scoot, 1994). Menurut mereka lagi, makna yang dibina itu bersangkutan dengan pengetahuan sedia ada pelajar. Ciri paling penting pembelajaran konstruktivisme ialah murid-murid bertanggungjawab ke atas pembelajarannya. Guru-guru mesti sedar tentang corak mental pelajar yang membantu mereka mengerti dunia dan membuat andaian-andaian untuk menyokong pemikiran mereka. Dalam teori konstruktivisme, pembelajaran bukan merupakan satu proses penghafalan maklumat di mana jawapan betul diberikan oleh guru-guru. Guru perlu menggalakkan pelajar supaya berdialog dengan sesama mereka mahupun dengan guru. Ini dapat dipupuk apabila guru memberikan pelajar satu masalah yang perlu diselesaikan oleh pelajar. Guru akan meminta pelajar memberi respon kepada persoalan yang ditanya. Pelajar adalah digalakkan untuk berbincang sesama mereka dalam memberikan idea masing-masing. Di dalam RPH tersebut, guru hanya menjadi fasilitator atau pembimbing. Pelajar dibiarkan berbincang antara satu sama lain dalam menjana idea.

Selain itu, teori yang digunakan dalam merancang RPH ini adalah teori kognitif. Guru bercerita pengalaman guru untuk menarik minat dan rasa ingin tahu pelajar. guru membiarkan murid berfikir sebelum memulakan sesuatu pengajaran. Hal ini membolehkan murid mengaitkan tentang pengetahuan sedia ada mereka dengan cerita guru untuk membentuk maklumat baru. Pendekatan teori kognitif menekankan proses mental. Informasi yang diterima, diproses melalui pemilihan, perbandingan dan penyatuan dengan informasi lain yang ada dalam ingatan. Penyatuan informasi ini kemudian akan diubah dan disusun kembali membentuk maklumat baru. Teori ini memberi kesempatan kepada pelajar untuk mengemukakan idea dan berfikir.

**2. Kehilangan pendengaran mempengaruhi pembelajaran murid-murid yang mengalami kehilangan pendengaran. Bincangkan 5 (LIMA) implikasi masalah pendengaran terhadap pembelajaran murid pendidikan khas pendengaran.**

Kebanyakan murid-murid bermasalah pendengaran tidak pekak sepenuhnya tetapi masih mempunyai sisa pendengaran. Penggunaan alat bantuan pendengaran yang berfungsi dengan baik boleh membantu kanak-kanak bermasalah pendengaran mendengar bunyi-bunyi pertuturan dan seterusnya boleh membantu mempelajari pertuturan (Clark 1989; Romanik 1990). Namun, bagi murid-murid istimewa ini semestinya mempunyai implikasi pembelajaran tersendiri.

Antara implikasi masalah pendengaran terhadap pembelajaran murid pendidikan khas pendengaran ialah tahap pendengaran yang terhad menyebabkan murid-murid hilang tumpuan kerana kurang memahami apa yang disampaikan oleh guru. Ini memperlihatkan bahawa pentingnya peranan yang dimainkan oleh guru yang dedikasi dan semangat amatlah diperlukan supaya murid dapat memahami apa yang dipelajari. Buktinya, Helen Keller seorang buta dan pekak berjaya menjadi seorang yang terpelajar hasil didikan gurunya iaitu Ann Salivvan. Pengorbanan yang dilakukan oleh Ann Sullivan membuktikan bahawa orang kurang upaya juga boleh berjaya sekiranya diberi pendidikan dengan menggunakan metodologi yang sesuai.

Implikasi seterusnya ialah, pencapaian yang lemah dalam pembelajaran terutama apabila melibatkan aktiviti membaca, menulis dan mengira. Sebagai contoh, murid yang mengalami masalah pendengaran akan sukar mendiskriminasikan bunyi, sukar memahami perkataan dan juga tidak dapat mengadunkan bunyi menjadi perkataan. Sebagai guru pendidikan khas, guru berperanan untuk memikirkan kaedah baru dalam era globalisasi ini. Kaedah *chalk and talk* tidak lagi berkesan terutama kepada murid istimewa ini. Guru boleh menggunakan kaedah *visual learner* bagi murid masalah pendengaran supaya mereka mudah memahami apa yang diajar.



Selain itu, murid mengalami masalah pendengaran juga akan sukar untuk mengikuti pembelajaran secara lisan. Namun, mereka menguasai bahasa isyarat dengan baik. Guru-guru yang mengajar murid-murid bermasalah pendengaran perlu terlebih dahulu mendapat pendidikan formal dan memahami masalah pendengaran, ciri-ciri kanak-kanak ini dan memahami secara menyeluruh tentang murid-murid bermasalah pendengaran. Guru juga perlu menguasai bahasa isyarat untuk memudahkan lagi urusan pengajaran dan pembelajaran.

Dalam pada itu, pelajar ini juga mempunyai keterbatasan iaitu belajar bahasa dengan melihat. Peranan guru bukan setakat mengajar malahan mereka juga berperanan sebagai mursyid, mualim, muadib, mudarris dan murabbi (Ab. Halim Tamuri, 2015). Tugas guru pendidikan khas lebih mencabar kerana mereka perlu membimbing murid-murid yang kelainan upaya di samping mempunyai masalah yang pelbagai. Guru boleh menggunakan ikon untuk menyampaikan makna, menggunakan audio dan visual.

Di samping itu, murid yang mempunyai masalah pendengaran juga lemah dalam banyak mata pelajaran kecuali matematik, seni lukis. Mereka amat lemah dalam bahasa. Kegagalan menguasai bahasa pula mengakibatkan kesukaran untuk berinteraksi, belajar dan juga menyesuaikan diri dalam persekitaran sosial. Ling (1989) menekankan bahawa pendengaran memainkan peranan yang sangat penting kepada murid-murid untuk mempelajari bahasa dan inilah halangan yang paling besar dihadapi oleh murid-murid bermasalah pendengaran.